

11 JUN 2001

MAHATHIR-BAKUN

BELUM ADA KEPUTUSAN MENGENAI KONTRAK PROJEK EMPANGAN BAKUN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan masih belum membuat keputusan mengenai pemberian kontrak bagi empangan hidro-elektrik Bakun tetapi akan berbuat demikian secepat mungkin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata mana-mana syarikat yang mengemukakan tawaran yang baik kepada kerajaan akan memperolehi kontrak berkenaan.

"Sesiapa yang membuat tawaran yang baik berhak memilikinya. Saya tidak mahu mendiskriminasikan sesiapa hanya kerana beliau ialah seorang yang kontroversi. Hinggakan apabila beliau mahu melakukan sesuatu yang jujur, kita katakan, tidak, tidak, tidak," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan sebuah buku bertajuk "Satu Lawatan Semula Wawasan - Transformasi Sebuah Perbadanan Minyak Nasional" di Menara Kembar Petronas di sini. Buku berkenaan ialah mengenai sejarah Petronas dan aktiviti-aktivitinya dalam tempoh 25 tahun.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas satu laporan akhbar hari ini bahawa hartawan Sarawak, Tan Sri Ting Pek Khing, memperolehi kontrak bernilai RM200 juta bagi membina empangan kekotak Bakun melalui syarikatnya, Global Uphill Sdn Bhd.

Projek berkenaan merupakan sebahagian daripada projek empangan Bakun bernilai RM9 bilion yang telah dipulihkan setelah tertangguh akibat kelembapan ekonomi serantau.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mengira siapa yang akan diberikan kontrak berkenaan asalkan beliau tidak melanggar mana-mana undang-undang negara.

"Sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu yang salah, kita akan mengambil tindakan. Tetapi sekiranya seseorang itu tidak melakukan sebarang kesalahan dan hanya mahu melakukan sesuatu yang berfaedah untuk kita, saya rasa kita perlu menilainya dari segi prestasi dan bukan dari segi sejarah," katanya.

Sementara itu, semasa ditanya sama ada kerajaan telah membenarkan Penerbangan Malaysia menaikkan tambang bagi semua perjalanan di Semenanjung Malaysia, beliau berkata tambang sedia ada bagi laluan berkenaan merupakan salah satu yang terendah di rantau ini.

"Kita perlu menyedari yang tambang domestik di Malaysia hanya merupakan satu pertiga daripada tambang domestik di Indonesia dan ini merupakan satu bebanan kepada syarikat penerbangan itu," kata beliau.

Beliau berkata syarikat penerbangan nasional itu mengalami kerugian berjuta-juta ringgit berikutan kadar tambang penerbangan domestik yang rendah.

"Ia bukan sesuatu yang adil bagi sebuah syarikat awam terhad untuk diminta menanggung bebanan subsidi sesuatu yang sebenarnya perlu ditanggung oleh kerajaan dan bukan oleh sektor swasta," katanya lagi. -- BERNAMA

SR SD NHD JR